

Keadaan banjir di Terengganu, Kelantan semakin pulih

Jumlah mangsa banjir menurun

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Keadaan banjir di dua negeri di Pantai Timur semakin pulih dengan jumlah mangsa keseluruhan di Terengganu dan Kelantan menurun kepada 3,171 orang berbanding 16,083 malam tadi.

Menurut Portal Banjir Negeri Terengganu, jumlah mangsa yang masih berada di pusat penempatan banjir sehingga pukul 8.30 pagi ini adalah seramai 2,617 berbanding 15,529 petang semalam.

Menurut portal itu lagi, empat daripada tujuh daerah yang mengalami banjir telah pulih dengan daerah terbaru Hulu Terengganu.

Mangsa yang masih berada di pusat penempatan ialah Dungun 1,915 melibatkan 549 keluarga, Kemaman 557 orang (156 keluarga) dan Kuala Terengganu 145 orang (31 keluarga).

Sementara itu, 11 pusat penempatan masih beroperasi iaitu Dungun (tujuh), Kemaman (tiga) dan Kuala Terengganu (satu).

Mangsa korban banjir di Terengganu setakat ini enam orang.

Di **KELANTAN**, jumlah mangsa banjir kekal dengan 554 orang yang masih berada di dua pusat pemindahan.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, mangsa terdiri daripada 178 buah keluarga di jajahan Tumpat yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubor 1 dan 2.



SUKARELAWAN Belia 1Malaysia Pasca Banjir KBS membersihkan Tabika yang diliputi lumpur akibat banjir di Kampung Bukit Mentok Kemaman, semalam.

Kesemua mangsa dijangka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada hari ini jika keadaan pulih sepenuhnya berikutan

paras air Sungai Golok di Rantau Panjang menurun ke paras amaran.

Jabatan Meteorologi meramalkan hujan di negeri-negeri Pantai

Timur bermula pada hari ini yang mungkin akan menyebabkan kawasan rendah mengalami banjir dan penduduk diingatkan mengenai ke-

mungkinan banjir pusingan kedua.

Tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan setakat ini dan cuaca pada pagi ini cerah. - **BERNAMA**